

Korporat perlu tingkat tahap integriti: PM

BH- 3/7/2007

Pentadbiran syarikat mesti telus tangani rasuah, salah guna kuasa

Oleh Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu sektor korporat komited bersama kerajaan dalam memerangi rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan untuk mencapai tahap integriti membanggakan bagi merealisasikan Misi Nasional.

Sambil merujuk masalah dalaman yang melanda syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia seperti Transmile Group Bhd (Transmile) dan Megan Media Holdings Bhd (Megan Media), Perdana Menteri berkata, pengarah syarikat wajar mempunyai tanggungjawab melaksanakan tugas negara.

"Saya percaya, ketelusan dan keterbukaan akan kekal sebagai langkah pencegahan terbaik untuk memerangi kegiatan rasuah kerana ia (rasuah) berbahaya untuk kita semua sama ada kerajaan atau dalam perniagaan.

"Sebagai pengarah syarikat, perlu wujud ketelusan dalam pentadbiran korporat, selain perlu bersedia untuk meneliti dan menyiasat.

"Malah, anda perlu bersedia untuk bertanyakan soalan yang tidak menyenangkan dan menerima jawapan yang juga tidak menyenangkan," katanya pada majlis makan malam Kepemimpinan Korporat 2007 anjuran Institut Pengarah Malaysia (MID) di sini, malam tadi.

Berikutan berdepan masalah dalaman itu, Transmile, syarikat perkhidmatan kargo udara dan Megan

Media, syarikat pengeluar cakera optik digantung urus niaga semalam, tetapi dibenar mengurus niaga semula hari ini.

Harga saham Transmile dan Megan Media dalam dagangan terakhirnya Jumaat lalu, masing-masing mencatatkan RM4.54 dan 10.5 sen.

Transmile semalam mengemukakan laporan kewangan baru yang diaudit semula bagi tahun kewangan 2006 dan 2005 dengan melaporkan kerugian sebelum cukai RM124.68 juta bagi 2006 dan 416.996 juta bagi 2005.

Ini berbanding keuntungan sebelum cukai RM157.53 juga bagi 2006 dan RM84.386 juta yang dilaporkannya sebelum ini.

Akaun Transmile mendapat perhatian pada 7 Mei lalu apabila ia mengumumkan gagal mematuhi tarikh akhir bagi menghantar keputusan kewangan beraudit bagi 2006.

Ia melantik Moores Rowland Risk Management bagi menjalankan audit ke atas akaun syarikat dengan pemegang sahamnya utama adalah Pos Malaysia, yang pemegang saham utamanya adalah cabang pelaburan kerajaan, Khazanah Nasional.

Pada majlis itu, Abdullah turut melancarkan buku *Mission 2020: The Final Stretch* terbitan Limkokwing yang memfokuskan beberapa strategi terkini menangani senario semasa global.

Turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Jeanne Abdullah dan Presiden MID, Tan Sri Dr Lim Kok Wing.

Abdullah berkata, pada peringkat

kerajaan, perlu dikaji semula langkah untuk memperketatkan peraturan bagi memastikan kelemahan yang wujud ditangani dan hukuman yang setimpal dikenakan terhadap pihak yang tidak bertanggungjawab.

"Pada masa sama, kita perlu realistik kerana tentunya ada pihak yang cuba menguji kecekapan dan mencabar perundangan negara.

"Sehubungan itu, usaha perlu di-

FAKTA

Tokoh Pengarah 2007

- Ketua Eksekutif Kumpulan CIMB Group, Datuk Mohamad Nazir Razak
- Pengerusi/Presiden/Ketua Eksekutif Kumpulan Genting, Tan Sri Lim Kok Thay

Felo Akademi MID

- Penasihat Korporat Kumpulan Sunway yang juga Presiden Transparency International Malaysia, Tan Sri Dr Ramon Navaratnam
- Pengerusi Telekom Malaysia Berhad (TM), Tan Sri Muhammad Radzi Mansor
- Pengerusi Gamuda Berhad, Tan Sri Talha Mohd Hashim

laksanakan untuk meningkatkan pemeriksaan dan memastikan pihak terbabit dikesan dan dikenakan tindakan tegas untuk menjamin keyakinan pelabur di pasaran," katanya.

Malah, beliau yakin kejayaan Misi Nasional memerlukan kerjasama semua, ketekunan, kecekalan dan integriti kerana jalan yang akan dilalui adalah sukar.

Mengenai pelaksanaan projek Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), Perdana Menteri berkata ia berjalan mengikut jadual, antaranya mewujudkan Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI), Koridor Pembangunan Wilayah, pembaharuan sistem pendidikan, membasmi kemiskinan, lonjakan bidang pertanian dan bioteknologi dan transformasi inisiatif syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Malah, beliau juga menggunakan pepatah Melayu, 'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing' yang dianggap pendekatan terbaik ke arah pembangunan kerana ia menonjolkan sifat kerjasama dan bersepadu antara sektor swasta dan awam.

Katanya, tahap pembangunan yang dicapai negara adalah memberangsangkan dengan kadar pertumbuhan ekonomi mencecah 6.5 peratus sejak 50 tahun lalu, manakala kemiskinan menurun kepada hanya 5.7 peratus serta pendapatan rakyat meningkat berganda sejak merdeka.

Beliau berkata, ketika ini, usaha untuk meneroka pasaran ekonomi global adalah membanggakan apabila perdagangan negara mencapai RM1 trilion.